HALAL DAN HARAM INFINITY DOWNLINE

Ramai insan mudah mewujudkan spekulasi, dgn menuduh tanpa fakta, jika ada fakta pun, adalah tidak benar, akibatnya akan terus berlaku salah faham dikalangan umat Islam.

Tanpa disedari ini adalah jalan yang membuka peluang para syaitan laknatullah, samada ada manusia atau jin, untuk menyuntik jarum di dalam hati sesama mukmin.

Pada 12 April 2007, 5 tahun yang lalu, majlis fatwa kebangsaan telah sebulat suara memutuskan, bahawa pelaburan internet adalah haram di sisi agama islam. Kenyataan ini telah serba sedikit menggembirakan saya, kerana sejak dahulu lagi telah saya ketahui, skim-skim pelaburan yang dijalankan di internet ini sebenarnya adalah merupakan skim ponzi alaf baru yang hanya bertujuan untuk menipu masyarakat yang sememangnya terlalu mudah percaya dengan angan-angan untuk menjadi kaya dengan cepat.

Pengharaman tersebut juga telah serba sedikit menyedarkan beberapa pihak yang telah terjebak ke dalam perangkap skim pelaburan tipu tersebut untuk cepat-cepat kembali ke jalan yang betul dan mengeluarkan diri mereka dari terus hanyut dan menjadi barua kepada komplot penipuan tersebut.

Ditambah pula dengan liputan-liputan serta pendedahan yang dilakukan oleh pihak media, maka, semakin ramailah masyarakat yang tersedar dan mula berhati-hati dengan peluang-peluang membuat duit melalui inernet ini.

Namun begitu, sesuatu yang sedikit mengecewakan. Ramai masyarakat yang TERKELIRU dengan istilah PELABURAN INTERNET dengan PERNIAGAAN INTERNET. Pada mereka, apa-apa sahaja perkara yang berkaitan dengan "Buat Duit di Internet" adalah TIPU dan tidak boleh dipercayai. Lebih menyedihkan lagi, bukan masyarakat biasa sahaja yang terkeliru dengan 2 perkara ini, malah pihak-pihak yang dianggap sebagai pihak yang handal ICT, seperti Pusat Keselamatan Siber Malaysia juga turut terkeliru mengenainya.

Membuat duit atau menghasilkan pendapatan melalui internet sebenarnya bukanlah sesuatu yang mustahil. Malah terdapat ramai individu-individu di dunia amnya dan di Malaysia khususnya, telah berjaya menghasilkan duit yang banyak menerusi internet. Antara nama yang paling dikenali ramai adalah Dr. Irfan Khairi . Beliau, telah berjaya menjadi jutawan dengan hanya menjalankan perniagaan di internet…. diulangi.. PERNIAGAAN INTERNET.

Untuk memberikan lebih kefahaman tentang "KAEDAH-KAEDAH SEBENAR BUAT DUIT DI INTERNET " , izinkan saya menjelaskannya kepada anda. Diharapkan anda dapat melapangkan dada dan mengosongkan fikiran anda terlebih dahulu dari segala tanggapan-tanggapan serta cerita-cerita yang pernah anda dengar sebelum ini tentang "BUAT DUIT DI INTERNET".

Satu kaedah yang paling pasti untuk membolehkan anda membuat duit di internet adalah dengan menjalankan perniagaan anda di internet. Perniagaan internet tidak jauh berbeza konsepnya dengan perniagaan konvesional. Anda masih memerlukan produk untuk dijual dan memerlukan pelanggan untuk membeli. Apa yang berbeza hanyalah proses transaksi urusniaga tersebut, dimana, transaksi tersebut dijalankan secara online. Pihak pembeli dan penjual tidak bersemuka dan berada beribu-ribu batu jauhnya.

Perniagaan internet pula boleh dibahagikan kepada 2 bentuk. Iaitu , sama ada "perniagaan yang berasaskan" produk ataupun "perniagaan yang berasaskan perkhidmatan".

Perniagaan Berasaskan Perkhidmatan:

Antara contoh-contoh perniagaan internet yang berasakan perkhidmatan adalah seperti :-
Perkhidmatan rekabentuk grafik (logo, banner, cover ebook)
Perkhidmatan membina website.
Perkhidmatan memasang perisian.
Perkhidmatan webhosting.
Perkhidmatan menulis & menterjemah artikel.
Perniagaan Berasaskan Produk.
Bagi perniagaan internet yang berasaskan produk pula, ia boleh dibahagikan kepada 2 jenis produk. Iaitu, sama ada produk fizikal ataupun produk digital.

Antara contoh perniagaan-perniagaan internet yang berasaskan produk adalah seperti:

Produk Fizikal
Menjual Tikar
Menjual Alat Penjimatan Eletrik
Menjual Buku
Menjual Peta
Menjual Model Kapal Terbang

Menjual Menjual CD multimedia
Menjual Cadar
Produk Digital
Menjual Ebook
Menjual Perisian-perisian
Menjual MP3 ceramah-ceramah pembelajaran.

Menjual Gambar-gambar/ grafik profesional
Menjual video-video tutorial (EDUCATION ONLINE)
dan bermacam-macam lagi…

****
Infinity Downline memberi kemudahan kepada ahli untuk mengaccess semua audio dan video education atau lebih jelas lagi produk tutorial….produk ini sangat menarik dan berkualiti bkanla produk sampah yang di war2 kan org org ramai..

Program Inifinity downline ini adalah sama dgn SCOR* A….

Program seperti Scor*A adalah Anda perlu membayar yuran bulanan atau sejumlah wang atau prepaid untuk mengakses sumber-sumber pelajaran di dalam web tersebut. Sekiranya anda tidak membayar, anda tidak boleh lagi mengakses web tersebut. Pernah?

Infinity downline ini konsep yg sama. Anda bayar RM100 selama 30 hari untuk membolehkan anda mengakses ratusan audio dan video education seperti Adobe Photoshop For Newbies 60 minute course, Your Coaching Program 44 minute course, Windows Basics 26 minute course, Beginners Guide To Google Sites dan beratus-ratus lagi video dan audio ilmu berkualiti.

Saya pasti beberapa atau segelintir org yang masih buta komputer dan IT. So produk2 ini sangat boleh membantu.

Bijaknya Company. Yang menjadi unik dan bijaknya sistem ini ialah Company tidak ambil sesen pun duit RM100 tu. Duit RM100 dibayar oleh prospek kepada sponsor/referernya.maknaya jual beli adalah jelas dan tiada ghararnya.. Jadi bagaimana Company dpt income?

Jawapannya ialah selain dari produk audio dan video yang boleh diakses setelah membayar RM100, terdapat juga produk berbayar premium yang dipromosikan yang menyumbang kepada income company yang sebenarnya.

Jadi Company menggunakan teknik networking yg berlapis. Pertama, menarik ramai orang menyertai program ini dengan pembayaran bonus terus ke akaun referer (klu masuk dalam akaun company, takut di scam oleh company)

Bila ramai network dah join, kebarangkalian terhasil jualan produk

Berbayar premium akan lebih tinggi! Income company lagi besar!

Perniagaan-perniagaan internet seperti ini adalah benar dan jarang sekali ada yang menipu. Jika ada yang menipu pun peratusannya agak kecil (Sama seperti perniagaan konvensional, ada juga peniaga-peniaga yang melakukan penipuan di dalam perniagaan mereka.). Peniaga internet menggunakan internet dengan sepenuhnya untuk memasarkan produk-produk mereka. Jadi! adakah mustahil untuk anda membuat duit di internet dengan melakukan perniagaan di internet? Sudah pastinya tidak mustahil sama sekali. Anda BOLEH buat duit di internet dengan menjalankan PERNIAGAAN Internet!

Perniagaan di internet adalah sama seperti perniagaan konvensional. Rukunnya sama.. ada penjual, ada pembeli dan ada produk. Di dalam Perniagaan Internet…. tiada istilah labur duit, goyang kaki dan kemudiannya jadi kaya.

Untuk membina sebuah perniagaan internet yang berjaya bukanlah sesuatu yang terlalu mudah. Ia memerlukan usaha yang gigih dan juga ilmu pengetahuan yang tinggi, terutamanya ilmu-ilmu yang berkaitan dengan dunia perniagaan. Untuk membina sebuah perniagaan internet yang berjaya, anda perlu mempunyai ilmu.

Membangunkan perniagaan internet, bukanlah semudah membangunkan website dan meletakkannya di internet sahaja.. ia lebih dari itu. Jadi, sememangnya tiada istilah "Duduk Diam Dapat Duit" di dalam dunia perniagaan internet.Jadi kita semua kita kene fikir banyak medium pengiklanan di dunia ini termasuk internet..so sememangnya kita perlu mencari ruang di internet untuk mengiklankan program ini…Sama juga seperti en blog yang boleh mengiklankan apa2 saja melalui blog sendiri…

Soal haram dan halal pula….

Yang Penting Kami Bukan semua dibawah:

X Ini Bukan Money Game

X Ini Bukan Skim Pelaburan

X Ini Bukan Satu Perniagaan Produk Haram

X Ini Bukan Sistem Piramid Orang Atas Cepat Kaya

X Ini Bukan Skim Cepat Kaya (Goyang Kaki Duit Masuk)

X Ini Bukan Multi Level Marketing.

Kitaran hidup kita semakin hari kian mencabar. Tanggung jawab membangun ekonomi diri dan keluarga bukan semudah melakar angka pendapatan di atas kertas. Kadang-kala jika tersilap percaturan, "Nak dapat secupak, tapi rugi segantang". Hendak sebut pasal rugi, boleh dikatakan semua orang ada hutang. Tak kiralah yang banyak atau sedikit. Jika dapat bayar cepat tak apalah, tapi kebanyakannya boleh sampai dibawa mati.

Isunya; kita semua mengimpikan pendapatan yang hebat, tiada hutang dan juga kehidupan yang selesa. Mahu membuat kebajikan kepada masyarakat kerana harta kekayaan bukan akan dibawa ke liang lahat. Tapi bagaimana ya??

Jangan kita lupa selain kita menjana ekonomi melalui program LOGIN FACEBOOK TERIMA RM100 untuk meningkatkan kewangan diri dan keluarga. Pihak SYARIKAT cuba mengimbangi keperluan masyarakat yang banyak berhutang, memasarkan produk bumiputera, mengurangkan kebergantungan pinjaman-pinjaman dari pihak tertentu dan seterusnya berjaya menjadikan masyarakat berdikari melalui wujudnya komuniti yang saling menyumbang dan bantu membantu ini. Tentu setidak-tidaknya kita boleh mengelakkan unsur riba dan penindasan dari banyak pihak.

Fikirkanlah sejenak…buangkanlah perasaan syak wasangka antara kita. Biarpun pihak syarikat penganjur masih dapat sedikit untung melalui khidmat pengurusan WEBSITE yang disediakan, ianya berpatutan kerana syarikat ini bukan badan kewangan atau pengurus dana. Tapi hanyalah pengurus perkhidmatan dari program yang diilhamkan semata-mata untuk kita sama-sama berjaya. Sekaligus boleh meningkatkan daya persaingan dalam kewangan dengan bangsa-bangsa yang lain. Jangan lupa! Pendapatan golongan bumiputera ketika ini amat meruncing kerana berada ditempat KETIGA dari bangsa cina dan india (mungkin juga tempat KEEMPAT selepas bangsa lain-lain tidak lama lagi). Begitu juga dalam bidang yang lain, terlalu banyak kita ketinggalan. Faktanya; orang-orang kita hanya kuat berpolitik sahaja. Takutlah nanti; "Menang sorak, kampong tergadai".

Secara peribadi saya tidak menelusi hal ini ketika saya mendaftar sebagai pengedar produk dalam program ini iaitu program reseller bukan MLM.

Pada hemat saya :
a) Program ini mempunyai produk yang saya gunakan untuk menambah ilmu saya tentang kemahiran komputer.

b) Saya sangat puas hati dengan munafaat yang saya perolehi dari program ini.

c) Saya tidak mendapatkan wang dengan merekrut pengedar baru tetapi harus mengenalkan program saya dan tentang produk2 yang disediakan.

d) Program ini merupakan produk pendidikan dan tidak memiliki apapun elemen haram terkait dengannya.

Meski demikian, ini merupakan masalah penting, lalu saya melakukan penelitian sendiri. Saya menjumpai satu-satunya artikel terkait dengan topik ini yang ditulis oleh Ustaz Zaharuddin. Ustaz Zaharudin adalah pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia dan telah mempunyai penampilan cukup mengesankan dalam bidang perdagangan, akademik dan penyelidikan.

Dalam artikel ini, Ustaz Zaharudin telah melakukan analisis kritis berkenaan MLM dan memberikan pandangan beliau tentang pada hal-hal yang membuat bisnis MLM tidak memenuhi persyaratan syariah. Artikel ini dengan jelas sangat menarik dan telah mengundang perdebatan sebanyak 181 komentar diruang di blognya.

Ustaz Zaharuddin menyimpulkan 9 ciri-ciri dalam pandangannya, akan memenuhi persyaratan minimum Syariah. Satu ciri yang dinyatakan seperti berulang, maka saya senaraikan 8 ciri-ciri tersebut.

1) Produk yang harus dibeli dengan tujuan untuk menggunakan produk, bukan hanya sebagai helah untuk memenuhi aturan Syariah.

2) Bukan dari produk emas atau perak.

3) Harus ada struktur komisen kewangan yang jelas dan mudah dipahami.

4) Komisen yang harus didasarkan pada nilai produk yang dijual, bukan pada jumlah rekrut yang dilakukan.

5) Tidak harus ada sasaran penjualan untuk memperolehi komisen.

6) Setiap upline harus berusaha mempromosikan aktiviti penjualan downline. Dengan itu tidak ada pendapatan tanpa "usaha".

7) Skim perniagaan piramid adalah jelas haram.

8) Perencanaan bersama struktur pemasaran antara upline dan downline.

Program ini memenuhi persyaratan, kecuali mungkin ada keraguan dilemparkan pada beberapa seperti perkara (6) dan (8).

Perkara (6) – Tidak ada pendapatan tanpa usaha Janji penghasilan pendapatan pasif (pendapatan usaha dengan satu kali saja) adalah salah satu kelebihan MLM. Jika downline kita tumbuh seperti yang kita inginkan, mungkin ada waktu dimana kita mungkin tidak mengenali dan mengetahui siapa orang-orang di "upline".

Saya melihat bahwa upline telah dibawa ke dalam jaringan oleh orang-orang yang kita ketahui dan kenali. Ia adalah cara kita bekerja, kami menganjurkan, menaja dan membimbing downline yang mengwujudkan downline baru kemudiannya. Mengatakan bahwa downline terbawah tiada kaitan dengan upline mungkin tidak benar.

Bandingkan aspek MLM ini dengan jenis pendapatan pasif. Katakanlah, dengan karya seorang penulis. Dia pernah menulis buku, ia akan diterbitkan dan mendapat royalti dari penjualan kepada orang-orang yang tidak ia pernah berhubung dan mengenali sama sekali.

Pada kenyataannya, saya berani mengatakan ramai orang gagal dalam MLM adalah kerana mereka tidak berusaha !

Perkara (8) – Perencanaan bersama struktur pemasaran antara upline dan downline.Kita semua tahu bahwa ini adalah tidak mungkin. Dalam banyak urusniaga, (bahkan perjanjian pinjaman perbankan Islam) adalah sering terjadi urusniaga "setuju atau tidak setuju". Kesempatan untuk membeli produk dan untuk mendaftar sebagai pengedar datang dengan syarat-syarat tertentu. Kepada kami ini untuk menjelaskan perincian untuk kita sebelum bersetuju untuk menyertainya.

Tentu saja, ada orang hanya menyatakan beberapa serta menyembunyikan perincian dan langsung mendaftar seseorang. Kemudian downline menyadari bahawa ia telah mendaftar untuk sesuatu yang dia tidak inginkan. Hal ini terjadi banyak dalam kehidupan. Membeli kereta, membeli buku, memilih kontraktor, menandatangani perjanjian dll.

Hati nurani kita harus membimbing kita dalam masalah ini. Kita dapat melihat pada cermin dan mengatakan bahawa kita telah menggabungkan semua fakta-fakta yang, sehingga pembeli dapat membuat sebuah keputusan berdasarkan maklumat yang diperolehinya. Jika kita lakukan, maka urusniaga telah dilakukan dalam semangat musyarakah.

Kesimpulan Saya bukan seorang ahli dalam ekonomi Islam. Namun ketika mahu menulis artikel ini mengingatkan saya tentang sebuah Sunnah Nabi (saw) yang saya pernah baca.

Saya tidak ingat keseluruhannya, tetapi prinsip-prinsip adalah sebagaimana tercantum di bawah ini.

Nabi Muhamad (saw) telah bercakap dengan seseorang yang telah diutuskan ke luar memerintah di tempat yang jauh.

"Bagaimana Anda membuat keputusan?""Saya akan menggunakan Al-Quran sebagai sumber petunjuk"."Dan jika tidak ada didalam Al-Quran?""Kemudian saya akan menggunakan Sunnah sebagai sumber petunjuk""Dan jika tidak ada dalam Sunnah?""Kemudian saya akan menggunakan hati nurani saya dan saya membuat keputusan dengan pemikiran dikurniakan oleh Allah swt"

Ini adalah sebuah jawapan yang menggembirakan Nabi (saw).

Ini adalah sepertimana yang saya alami sekarang. Saya merasa yakin bahwa Program ini memenuhi persyaratan Syariah dan rezeki yang dicari dan mendapatkan dari usaha ini adalah halal kepada saya, Insya'Allah.

Sementara itu, saya menyambut orang-orang yang tertarik untuk bergabung dalam perniagaan ini. Ada banyak peluang usaha yang menarik di Malaysia. Ada banyak cara untuk memperoleh penghasilan dengan separuh waktu, sehingga pendapatan ini melebihi

pendapatan sepenuh waktu anda! Maka anda dapat membangun menghasilkan sumber pendapatan pasif.

KESIMPULANNYA.... Infinity Downline tidak bercirikan haram. Yang baik kita ambil, Yang Jauh kita tinggalkan...

Wallah hu a'alam…..

****

Tulisan ini ditulis oleh seorang Hamba Allah yang hujahannya mampu memberi sinar bahawa program infinity downline tidak menyalahi hukum syariah. Apa gunanya sempitkan pemikiran dengan nas-nas yang tidak pasti sedangkan hujahan sebenar dari mereka yang sudah berada di dalam perniagaan ini perlu juga diikuti kerana kami juga ada keluarga sendiri dan tidak tergamak memberi mereka rezeki dari sumber haram.

Terima Kasih